

Hayati al-Quran: Najib

Tentera perlu contohi pejuang Islam supaya disegani, digeruni

Oleh Adha Ghazali

KUALA LUMPUR: Warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) digesa menghayati al-Quran seperti pejuang Islam pada zaman Rasulullah bagi mencapai sasaran menjadi satu ketumbukan yang digeruni dan disegani.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak, berkata pejuang Islam pada zaman Rasulullah mempunyai jati diri kukuh serta hubungan erat yang istimewa dengan Allah, hasil penghayatan Islam yang menyeluruh.

"Malah, cara penghayatan mereka bukan sekadar melalui pembacaan, tetapi meliputi penghayatan serta pemahaman, selain menerapkan setiap ajarannya ke dalam kehidupan seharian.

"Hasilnya, pejuang Islam amat digeruni tentera musuh termasuk tentera Romawi yang terkenal sebagai bangsa yang kuat dan tinggi tamadunnya," katanya ketika merasmikan penutupan Majlis Tilawah al-Quran peringkat ATM, di sini, semalam.

Ucapan Najib dibaca timbalannya, Datuk Zainal Abidin Zin. Majlis tilawah kali ke-57 bertemakan 'Islam Hadhari Menjana Kemajuan Ummah' disertai sembilan qari dan qariah daripada ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM iaitu darat, udara dan laut.

Najib berkata, motif penganjuran majlis kali ini lebih kepada membentuk motivasi masyarakat tentera untuk lebih mendekati, menghayati dan membudayakan ajaran al-Quran

"Cara penghayatan mereka bukan sekadar melalui pembacaan, tetapi meliputi penghayatan serta pemahaman, selain menerapkan setiap ajarannya ke dalam kehidupan seharian"

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

dalam kehidupan termasuk dalam pengurusan kerjaya mereka.

Beliau berkata, walaupun ATM berjaya melahirkan qari dan qariah ternama di kalangan warganya dan mampu bersaing sehingga ke peringkat negeri, kebangsaan serta antarabangsa, masih ada segelintir yang mempunyai masalah berhubung pembacaan al-Quran.

"Kita juga pernah melancarkan produk Cepat Baca Quran (CBQ) bagi membantu menangani masalah penyakit buta al-Quran di kalangan warga ATM.

"Buta al-Quran bukan sekadar gagal membaca, tetapi meliputi penghayatan terhadap ajaran yang terkandung di dalamnya," katanya yang tidak mahu wabak ini terus bersarang di dalam warga ATM.